

# Boleh rawat sehingga 37 pegawai setiap masa



**DILENGKAPI PELBAGAI PERALATAN:** RVP (kiri) boleh merawati sehingga 37 pegawai pada setiap masa dan dilengkapi pelbagai peralatan untuk mencegah risiko kecederaan haba. (Gambar bawah). Tab mudah alih Rendaman Air Sejuk (CWI) merupakan sejenis rawatan standard emas bagi tangani kecederaan haba. – Foto-foto BH oleh ONG WEE JIN

PEGAWAI Pasukan Pertahanan Awam Singapura (SCDF) yang dikerahkan mengendali operasi besar dan lama kini boleh memanfaatkan kemudahan cegah kecederaan haba yang disediakan Kenderaan Pemulihan Pegawai Kecemasan (RPV) yang baru.

Kenderaan itu yang dilancarkan semalam, merupakan bas yang dilengkapi pelbagai peralatan bagi mendinginkan suhu badan pegawai kecemasan dan juga memberi rawatan bagi mengurangkan kesan kecederaan haba jika pegawai menghadapi simptom strok haba.

Kolonel (Dr) Shalini Arulanandam, Ketua Pegawai Perubatan SCDF berkata:

“RPV akan digunakan semasa operasi yang memakan jangka masa lama yang melibatkan usaha pemadam api atau ketika komander yang sedang mengendalikan operasi memerlukan RPV untuk pegawai pasukan bertindak pertama berehat dan menjalani pemulihan dikerah lagi.”

“RPV boleh dikerah di tempat kejadian dan boleh disiap dalam tempoh 20 minit.

“Ia juga berupaya merawat sehingga 37 pegawai setiap kali, iaitu 28 orang di Zon Penyejukan Pantas, lapan di Zon Penyejukan Berseluruhan di mana mereka dipantau sewaktu lengan mereka direndam dalam air sejuk dan sehingga seorang pesakit lagi yang boleh meneri-



ma rawatan Rendaman Air Sejuk (CWI) sekiranya dia mengalami kecederaan lebih serius.”

Dengan kerjasama doktor perubatan yang menjalani NS dalam SCDF, jabatan fisiologi Sekolah Perubatan Yoo Loo Lin Universiti Nasional Singapura dan firma HOPE Teknik, RPV dibentuk dengan tujuan mengurangkan risiko kecederaan haba bagi pegawai kecemasan.

Menurut SCDF, suhu badan pegawai yang mengendali insiden besar atau jangka masa lama, boleh mencecah lebih 39.5 darjah celsius dan jika ini tidak diawasi, ia boleh menyebabkan kecederaan serius.

Pegawai projek RPV, Kapten Edrick Lim En Qing, dari Divisyen Keempat SCDF berkata:

“Dalam keadaan suhu badan ini, pegawai kecemasan akan merasakan adrenalin semasa bertugas men-

gendali operasi jangka lama, misalnya operasi kebakaran di kawasan perindustrian yang boleh berlanjut selama beberapa jam.

“Ketika itu, mereka mungkin tidak sedar akan risiko hadapi kecederaan haba namun hanya apabila mereka mulai mengalami simptom tekanan haba, ia boleh menyebabkan kecederaan serius kepada mereka.”

Beliau menjelaskan bahawa semasa pembentukan RPV ramai pegawai menyertai kajian mereka.

Kenderaan tersebut menggantikan Modul Pemulihan Pegawai Kecemasan (RPM) yang hanya boleh merawat sehingga 20 pegawai sahaja dan tidak menawarkan kemudahan tab CWI serta memerlukan masa 45 minit untuk disediakan di kawasan yang sesuai jika ia dikerahkan. – HARITH MUSTAFFA